

RM52.65b rancakkan inovasi, wujud 4 prasarana

Kuala Lumpur: Sejumlah RM52.65 bilion akan dilaburkan bagi merancakkan inovasi dan mewujudkan ekosistem digital di Malaysia dalam tempoh 10 tahun akan datang, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Pelaburan berskala besar itu, kata Perdana Menteri, akan direalisasikan menerusi pewujudan empat prasarana digital di bawah MyDIGITAL yang akan dilaksanakan melalui usaha sama kerajaan dan swasta.

Beliau menjelaskan, dalam prasarana pertama, RM21 bilion dilabur sepanjang lima tahun menerusi projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk memantapkan kesalinghubungan atau *connectivity* sedia ada.

Katanya, menerusi inisiatif berkenaan, pelaburan itu akan mewujudkan rangkaian gentian optik talian tetap yang meliputi hampir 100 peratus kawasan berpenduduk secara berperingkat daripada 7.5 juta premis pada hujung 2022 kepada sembilan ju-

ta premis pada akhir 2025.

"Bersandarkan rangkaian gentian optik yang lebih luas ini, negara akan lebih bersedia untuk beralih ke teknologi rangkaian selular generasi kelima 5G dalam masa yang terdekat," katanya.

Inisiatif kedua, Muhyiddin berkata, RM1.65 bilion akan dilaburkan oleh beberapa syarikat telekomunikasi untuk memantapkan sambungan ke jaringan kabel dasar laut antarabangsa sehingga tahun 2023.

"Inisiatif ini akan membuka ruang untuk pemindahan data antarabangsa yang lebih cepat dan stabil, sekali gus menurunkan kos internet kepada pengguna di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, untuk inisiatif ketiga, pelaburan RM15 bilion akan dilaburkan sepanjang 10 tahun untuk pelaksanaan 5G ke seluruh negara, sekali gus bakal mewujudkan sekitar 105,000 peluang pekerjaan.

"Usaha ini akan dilaksanakan

melalui entiti khusus atau *special purpose vehicle* (SPV) di bawah kerajaan. Entiti ini seterusnya akan diberikan spektrum bersesuaian untuk memiliki, melaksana dan menguruskan infrastruktur 5G," katanya.

Mengenai inisiatif keempat, beliau menjelaskan, antara RM12 hingga RM15 bilion akan dilaburkan penyedia perkhidmatan awan (CSP) dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kerajaan memberikan kebenaran bersyarat kepada empat syarikat CSP iaitu Microsoft, Google, Amazon serta Telekom Malaysia untuk membina dan mengurus pusat data berskala hiper dan perkhidmatan awan.

"Pusat data yang berskala hiper ini serta perkhidmatan awan hibrid juga akan diwujudkan untuk menambah ruang penyimpanan data, mengurangkan kos operasi dan meningkatkan kecekapan analisis," katanya.

Sambil memberi jaminan kerajaan akan terus membantu as-

pek pengukuhan ekosistem digital menerusi beberapa pendekatan tertentu, beliau berkata, pembinaan kemudahan digital ialah tulang belakang dalam membentuk sebuah ekosistem digital yang mampan.

Katanya, pelbagai inisiatif dirintis bagi membentuk ekosistem itu seterusnya bakal menjadi 'enjin' utama dalam pertumbuhan ekonomi lestari yang akan dilaksana menerusi beberapa cara, termasuk memupuk persekitaran kawal selia mendukung penggunaan digital sambil melindungi privasi warganegara.

"Pentadbiran sumber data awam akan juga dilakukan supaya boleh dimanfaatkan bersama oleh organisasi awam dan swasta. Selain itu, kita akan memudahkannya evolusi pasaran buruh dalam industri yang kemungkinan terganggu oleh automasi dan teknologi digital," katanya.

Bersandarkan komitmen teguh itu, Muhyiddin berkata, kerajaan akan memastikan syari-

kat digital yang terbabit dengan kerajaan, berusaha gigih untuk membantu rakyat Malaysia meningkatkan kemahiran digital.

"Syarikat ini, antaranya juga akan menjalin kerjasama dengan universiti tempatan bagi mewujudkan Fakulti Kecerdasan Buatan dan sebagainya serta bekerjasama dengan kerajaan untuk melaksanakan program peningkatan kemahiran pekerja secara amnya.

"Keselamatan siber dan data pastinya antara tumpuan utama kerajaan dalam merealisasikan visi negara berteknologi digital. Data rakyat akan dikendalikan penuh hemah berdasarkan piawaian keselamatan ditetapkan kerajaan melalui agensi pelaksanaan, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).

"Saya ingin memberi jaminan kerajaan amat komited dalam memantau keselamatan sistem pengurusan data ini, untuk mengelakkan sebarang ancaman siber masa depan," katanya.